

## Berita Najib dan isteri adalah kejutan baru Anwar untuk tutup kes liwat waktu pilihan raya kecil

Contributed by Tepakbersulam  
Friday, 06 March 2009  
Last Updated Friday, 06 March 2009

Pasti akan ada satu kejutan besar lagi yang akan dilakukan oleh Anwar Ibrahim menjelang pilihan raya kecil serentak Bukit Gantang dan Bukit Selembau dan Batang Ai7, jika dahulu kejutan beliau mahu dibunuh dan bersembunyi di kedutaan Turkey dan akhirnya bebas untuk ke mana saja berkempen di Permatang Pauh tanpa mempedulikan ada ugutan mahu membunuh beliau dan mewarnai arena politik Malaysia dengan kempen 916 beliau akan menjadi Perdana Menteri, rakyat tertipu (penyokong beliau) dan terpengaruh lantas menutup topik hangat liwat beliau bersama Saiful. Beliau berjaya memburukkan Saiful dan beliau pula yang mendapat simpati dari rakyat. Dunia menjadi carca marba kerana si dajal seorang ini.

Ramai yang tidak terfikir dengan tersiarnya sebuah tulisan mengenai Najib disebuah laman web pro Anwar, kejutan telah pun bermula, kejutan itu sudah pun di mulakan serentak dengan pengumuman bicara Anwar di pindahkan ke mahkamah tinggi apabila laman web pro Anwar memainkan isu Timbalan Perdana Menteri yang di tulis oleh seorang wartawan asing yang kononnya satu pendedahan baru yang menuduh Najib dan isterinya terlibat dalam isu pembunuhan model Mongolia Altantuya, Lihat berita ini akan dihangatkan oleh Anwar dalam kempen beliau bagi menutup kes liwat beliau yang akan dibicarakan tidak lama lagi. Wartawan upahan Anwar sememangnya sudah diupah untuk bersedia membuat kejutan ini. Kali ini kejutan dibuat hingga ke peringkat anatarabangsa dan kita perlu menerima akibatnya di segi ekonomi. Rakyat akan menanggung penderitaan kemelut ekonomi kerana berita ini akan mejejaskan nama baik Malaysia di mata dunia.

Namun apa juga yang akan dilakukan oleh Anwar nanti, undang-undang tetap undang-undang, Anwar tetap tidak boleh lari dengan undang-undang. Tarikh perbicaraan tetap akan di tetapkan, Anwar Ibrahim tetap akan di bawa ke muka pengadilan, pasti Anwar akan dipenjarakan sekali lagi jika sabit kesalahan beliau. Tidak kira ramai mana penyokong beliau, beliau tetap akan dipenjarakan jika sabit kesalahan beliau, Sejauh mana rakyat Malaysia yang pro Anwar mahu berdemonstrasi, sejauh mana penyokong Anwar mahu mengganas. Beliau akan tetap dipenjarakan, percayalah. Anwar tidak ada kekebalan.

Kerajaan perlu bertindak tegas, jika tidak akan lahirlah ramai lagi pembangkang yang merasa diri mereka kebal seperti Raja Petra Kamaruddin, Siva, Karpal Singh dan lain lain.

Rakyat Malaysia, bukan macam rakyat di Thailand mahu pun Indonesia yang berdemonstrasi kerana anak-anak kebulur di rumah, mereka sendiri tidak mempunyai pekerjaan, mereka sendiri hidup susah dan melarat. Rakyat Malaysia ada kerja, anak rakyat Malaysia terlebih makan, rakyat Malaysia mewah. Mereka tidak akan mahu kehilangan semua ini dan merengkok di penjara kerana Anwar Ibrahim, Tidak semua yang mahu lakukan ini melainkan satu dua yang hidup dengan politik yang menanggung jika tinggal dalam tahanan oleh parti politik tertentu. Rakyat Malaysia hanya berdemonstrasi pada hari jumaat selepas solat jumaat sahaja, Rakyat Malaysia akan lari terkincit-kincit bila disemur dengan water canon. rakyat Malaysia ini sebenarnya manja dan hingus meleleh. Apa yang saya maksudkan dengan rakyat Malaysia itu adalah penyokong Anwar.

Anwar jangan nak kelentong la, 916 sudah banyak menyedarkan rakyat, apa juga temberang Anwar kali ini pasti akan menjadi satu ejekan dan tidak mungkin berulang lagi 916. Hari ini rakyat mula sedar dengan warna-warna sebenar Pakatan Rakyat, hanya jumud yang sudah terjumud sahaja yang tidak beranjak dari tempurung jumud mereka, Rakyat sudah dapat membaca permainan PAS, PKR dan DAP. Tidak sehebat mana pun mereka, Tidak sebaik mana pun mereka. cagak tak serupa bikin. Apa kelebihan pemerintahan negeri yang diperintah oleh mereka, malahan lebih buruk dari waktu BN memerintah, Rakyat sudah lemas, rakyat sudah bosan.